

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat,
22 Oktober 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN,
OGOS 2021**

**Indeks Pelopor memulih kepada negatif 2.3 peratus pada Ogos 2021,
menunjukkan ekonomi Malaysia berkemungkinan besar semakin baik pada
bulan-bulan berikutnya**

PUTRAJAYA, 22 OKTOBER 2021— Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI OGOS 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Prestasi IP pada Ogos 2021 mereda kepada 106.2 mata, mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih baik pada 2.3 peratus (Julai 2021: -4.0%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2020. Penurunan IP dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan berikutan pasaran hartanah yang mencabar dan sentimen pesimis di kalangan pelabur semasa pandemik. Bagi perbandingan bulanan, IP meningkat sebanyak 1.1 peratus dengan kebanyakan komponen mencatatkan pertumbuhan positif terutamanya didorong oleh kenaikan dalam Jangkaan Nilai Jualan di sektor Pembuatan (1.3%).”

Dengan mengambil kira prestasi IP yang lebih baik dan peralihan lebih banyak negeri di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN), ia menjangkakan bahawa ekonomi negara berkemungkinan besar semakin baik pada bulan-bulan berikutnya. Selain itu, prospek

pembangunan ekonomi yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 akan memacu pemulihan ekonomi melalui agenda jangka panjang global dan nasional sepanjang 2021 sehingga 2025.

Indeks Serentak (IS) yang mencerminkan prestasi aktiviti ekonomi semasa menurun 1.6 peratus pada Ogos 2021 (Julai 2021: -5.2%), namun trend penurunan yang lebih baik. Ia merekodkan 108.2 mata berbanding 110.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Dari segi bulan ke bulan, IS meningkat 4.2 peratus pada Ogos 2021. Kapasiti Penggunaan di sektor Pembuatan (2.9%) dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (0.9%) adalah penyumbang utama kepada peningkatan.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan MyStats Day tahun 2021 ialah "Connecting The World With Data We Can Trust."

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 OKTOBER 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday,
22th October 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,
AUGUST 2021**

**Leading Index improved to negative 2.3 per cent in August 2021,
indicating Malaysia's economy is likely to pick up
in the upcoming months**

PUTRAJAYA, 22 OCTOBER 2021- Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR AUGUST 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The performance of LI for August 2021 eased to 106.2 points, registering a better negative growth of 2.3 per cent (July 2021: -4.0%) as against the same month in 2020. The decrease in LI was influenced mainly by the drop in the Number of Housing Units Approved following challenging real estate market and pessimistic sentiment among investors during the pandemic. With regard to monthly comparison, the LI went up by 1.1 per cent with most components posted positive growth primarily led by a hike in Expected Sales Value in Manufacturing sector (1.3%)."

Taken together the better performance of LI and the transition of more states under the National Recovery Plan (NRP), it is foreseen that the country's economy is most likely to pick up in the upcoming months. Further to this, the economic development prospects formulated in the 12th Malaysia Plan will navigate economic recovery through long term global and national agendas over 2021 to 2025.

The Coincident Index (CI) as the reflection of current economic activity performance declined 1.6 per cent in August 2021 (July 2021: -5.2%), albeit a better downward trend. It recorded 108.2 points as against 110.0 points in the corresponding month in the preceding year. In terms of month-on-month, the CI edged up 4.2 per cent in August 2021. Capacity Utilisation in Manufacturing sector (2.9%) and Volume Index of Retail Trade (0.9%) were the main contributors to the increase.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media **@MyCensus2020** for more info.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 OCTOBER 2021**